



Bersama  
Prof Dr Taufiq  
Yap Yun Hln

Nabi Muhammad SAW adalah pemimpin agung sepanjang zaman. Baginda diutuskan sebagai seorang nabi dan rasul bukan untuk bangsa Arab semata-mata, tetapi buat seluruh makhluk Allah SWT di alam ini. Baginda bukan saja seorang negarawan terunggul, pahlawan hebat dan ahli politik agung, bahkan seorang suami dan bapa yang penyayang.

Pengarang dari Barat, Michael H Hart meletakkan Nabi Muhammad SAW sebagai manusia pada kedudukan paling teratas dan berpengaruh dalam buku-

HARIAN METRO 22/11/2018 p.19

# Pemimpin agung sepanjang zaman

nya berjudul *100 Most Influential People In The World*.

Manusia perlu mencon-tohi setiap yang ada pada diri Rasulullah SAW se-bagai sumber inspirasi dalam menjalani kehidu-pan demi kesejahteraan di dunia dan akhirat.

Firman Allah SWT yang bermaksud: "Demi se-sungguhnya adalah bagi kamu pada diri Rasulullah itu contoh ikutan yang baik iaitu bagi orang yang sentiasa mengharap-kan (keredaan) Allah dan (ba-lasan baik) hari akhirat serta iya pula menyebut dan mengingati Allah ba-nyak-banyak (sewaktu susah dan senang)." (**Su-rah al-Ahzab, ayat 21**)

Baginda mempamerkan adab dan kesopanan dalam interaksinya sesama manu-

sia, tidak kira sama ada kawan atau lawan, bangsa dan keturunan. Rasulullah SAW juga menghiasi diri-nya dengan pelbagai sifat mulia seperti amanah, berani, menepati janji, ramah, sabar, jujur dan berjiwa bersih.

Malah, sejak kecil lagi sebelum diutuskan seba-gai nabi dan rasul, Baginda sudah mempamerkan sifat jujur dan amanah sehing-gakan Baginda mendapat kepercayaan masyarakat Quraisy dan diberikan ge-laran 'al-Amin'.

Ibnu Qayyim menyata-kan, Nabi Muhammad SAW menggabungkan si-fat takwa kepada Allah dan sifat luhur. Sifat takwa dalam memperbaiki hu-bungan antara seorang hamba dan Allah SWT.

Sementara berakhlak mu-lia dalam memperbaiki hubungannya sesama makhluk Allah SWT.

Ini bermakna, takwa kepada Allah SWT akan melahirkan seorang ma-nusia yang taat kepada dan memiliki akhlak da-lam hubungan dengan Al-lah SWT, manusia, hai-wan dan alam seluruhnya.

Hisyam bin Amir pernah bertanya kepada isteri Na-bi Muhammad SAW, Ai-syah mengenai akhlaknya. Aisyah menjawab: "Akhlak Nabi SAW adalah al-Quran." (**Riwayat Muslim**)

Allah SWT berfirman dalam **Surah al-Qalam, ayat 4** yang bermaksud: "Dan sesungguhnya Eng-kau (Wahai Muhammad) mempunyai akhlak yang tinggi (mulia)." Rasulullah

berurusan dengan pelba-gai ragam, perangai dan sikap manusia dalam usa-hanya untuk menyam-paikan dakwah Islam.

Ada yang menerima dengan mudah dan tidak kurang juga mereka tidak mahu mendengar, malah melawan dengan pelbagai tentangan secara fizikal dan emosi.

Bagaimanapun, Allah SWT mendidik dan me-nyeru Rasulullah SAW supaya sentiasa bertolak ansur dengan mereka selain memohon keam-punan buat mereka.

Firman Allah SWT yang bermaksud: "Oleh itu ma-afkanlah mereka (menge-nai kesalahan yang mereka lakukan kepadamu) dan pohonlah ampun bagi me-reka dan juga bermesyua-

ratlah dengan mereka da-lam urusan (peperangan dan hal-hal keduniaan) itu." (**Surah Ali-Imran, ayat 159**)

Kisah kehidupan Nabi Muhammad SAW ini bu-kan hanya untuk dibaca atau didengarkan saja se-tiap kali sambutan kela-hiran Baginda, tetapi un-tuk dijadikan contoh da-lam kehidupan kita.

Bagi umat Islam yang mengaku sayangkan Nabi, pastinya mereka akan mengikut ajaran yang dibawa Baginda.

Kita bukan saja solat sebagaimana Nabi, tetapi perlu juga berakhlak se-bagaimana akhlak Bagin-da demi mengangkat imej Islam.

**Penulis Presiden  
Persatuan Cina Muslim  
Malaysia (MACMA) dan  
Profesor di Universiti  
Putra Malaysia**